

## **BANK ISLAM PENUHI KEPERLUAN KEWANGAN AHLI PERSATUAN-PERSATUAN PROFESIONAL KESIHATAN**

**KUALA LUMPUR, Isnin, [7 September 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menandatangani memorandum persefahaman bersama enam persatuan profesional kesihatan bagi menyediakan perkhidmatan penyelesaian perbankan lengkap untuk memenuhi keperluan kewangan ahli persatuan-persatuan berkenaan. Jalinan kerjasama ini akan membuka peluang untuk meneroka dan memahami keperluan kewangan mereka dengan lebih baik bagi membolehkan kedua-dua pihak memanfaatkan keupayaan masing-masing secara optimum.

Persatuan-persatuan yang terlibat adalah Persatuan Perubatan Malaysia ("MMA"), Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia ("PAPISMA"), Persatuan Farmasi Malaysia ("MPS"), Persatuan Optomerist Malaysia ("AMO"), Persatuan Pengamal Pergigian Swasta Malaysia ("MPDPA") dan Persatuan Veterinar Malaysia ("VAM").

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata "Kerjasama Bank Islam dengan persatuan-persatuan profesional kesihatan ini adalah platform yang baik bagi mengembangkan program pembiayaan dengan badan professional di Malaysia.

"Jalinan kerjasama yang dimeterai ini juga merupakan satu lagi sokongan yang disediakan Bank Islam bagi merangsang semula ekonomi negara, khasnya ekoran penularan COVID-19 yang memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat dan perniagaan. Dengan permintaan yang meningkat terhadap perkhidmatan dan produk-produk berkaitan kesihatan, Bank Islam amat berbesar hati kerana diberi kepercayaan untuk menyediakan penyelesaian perbankan lengkap bagi memenuhi segenap keperluan ahli persatuan-persatuan terlibat."

Menerusi kerjasama ini, Bank Islam akan menawarkan penyelesaian kewangan lengkap melalui produk Pembiayaan Peribadi-i sehingga amaun RM300,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun pada kadar kompetitif. Juga ditawarkan, pembiayaan dan pembiayaan semula hartanah terutamanya rumah kedai dan penyelesaian pengurusan tunai untuk kemudahan ahli-ahli persatuan.

Selain itu, Bank Islam juga menawarkan produk-produk perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") kepada ahli-ahli yang berpotensi untuk membuka perniagaan persendirian berkaitan kesihatan seperti klinik pakar, klinik perubatan, klinik veterinar, pusat optometri dan farmasi sebagai kemudahan untuk mereka yang memerlukan jumlah pembiayaan yang lebih besar.

Menandatangani bagi pihak Bank Islam ialah Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan sambil disaksikan oleh Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam. Sementara penandatanganan dan saksi bagi keenam-enam persatuan adalah:

Persatuan	Penanda tangan	Saksi
1. <b>MMA</b>	Dr. Thirunavukarasu Rajoo, Setiausaha Agung Kehormat	Dr. N Ganabaskaran, Presiden
2. <b>PAPISMA</b>	Dr. Shazif Othman, Ahli Jawatankuasa Pusat	Dato' Dr. Suhaini Kadiman, Presiden
3. <b>MPS</b>	Datin Mariani Ahmad Nizaruddin, Timbalan Presiden I	Amrahi Buang, Presiden
4. <b>AMO</b>	Muhamad Syukri Mohamad Rafiuddin, Timbalan Presiden	Ahmad Fadhullah Fuzai, Presiden
5. <b>MPDPA</b>	Prof. Madya Dr. S. Ratnasothy, Ahli Jawatankuasa	Dr. Mahendran Ponnudurai, Presiden
6. <b>VAM</b>	Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Mohd Lila, Bakal Presiden	Dato Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, Mantan Presiden

Untuk makluman lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia

umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com), atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
--	--